# SAYEMBARA MENULIS NOVEL DAN SKRIP DRAMA KANAK-KANAK DAN REMAJA DBP 2009

Sayembara Menulis Novel dan Skrip Drama Kanak-kanak dan Remaja DBP kini dibuka untuk penyertaan.

## TEMA PERTANDINGAN

Tema pertandingan adalah seperti yang berikut:

***KATEGORI KANAK-KANAK (10 – 12 TAHUN)***

- Perpaduan
- Sains fiksyen
- Kasih sayang
- Kekeluargaan

***KATEGORI REMAJA (13 – 15 TAHUN)***

- Perpaduan
- Sains fiksyen
- Kekeluargaan
- Pengembaraan

***KATEGORI REMAJA (16 – 18 TAHUN)***

- Sejarah
- Konflik sosial
- Kemasyarakatan
- Biografi tokoh terkenal

* Penulis digalakkan memasukkan unsur-unsur integrasi kaum dalam karya yang dihantar.

## KATEGORI

- **Kategori kanak-kanak** – karya yang dihasilkan mestilah sesuai untuk bacaan kanak-kanak dalam lingkungan usia 10 – 12 tahun.
- **Kategori remaja** – karya yang dihasilkan mestilah sesuai untuk bacaan remaja yang berusia 13 hingga 15 tahun dan 16 – 18 tahun.

## HADIAH NOVEL DAN SKRIP DRAMA KANAK-KANAK

***NOVEL (10 – 12 TAHUN)***

- 1 x Hadiah Pertama : RM3,000.00
- 1 x Hadiah Kedua : RM2,000.00
- 1 x Hadiah Ketiga : RM1,000.00
- 3 x Hadiah Sagu Hati : RM750.00

***SKRIP DRAMA (10 – 12 TAHUN)***

- 1 x Hadiah Pertama : RM3,000.00
- 1 x Hadiah Kedua : RM2,000.00
- 1 x Hadiah Ketiga : RM2,000.00
- 3 x Hadiah Sagu Hati : RM750.00

## HADIAH NOVEL DAN SKRIP DRAMA REMAJA

***NOVEL (13 – 15 TAHUN)***

- 1 x Hadiah Pertama : RM3,000.00
- 1 x Hadiah Kedua : RM2,000.00
- 1 x Hadiah Ketiga : RM1,000.00
- 3 x Hadiah Sagu Hati : RM750.00

***SKRIP DRAMA (13 – 15 TAHUN)***

- 1 x Hadiah Pertama : RM3,000.00
- 1 x Hadiah Kedua : RM2,000.00
- 1 x Hadiah Ketiga : RM1,000.00
- 3 x Hadiah Sagu Hati : RM750.00

***NOVEL (16 – 18 TAHUN)***

- 1 x Hadiah Pertama : RM3,000.00
- 1 x Hadiah Kedua : RM2,000.00
- 1 x Hadiah Ketiga : RM1,000.00
- 3 x Hadiah Sagu Hati : RM750.00

***SKRIP DRAMA (16 – 18 TAHUN)***

- 1 x Hadiah Pertama : RM3,000.00
- 1 x Hadiah Kedua : RM2,000.00
- 1 x Hadiah Ketiga : RM1,000.00
- 3 x Hadiah Sagu Hati : RM750.00

## SYARAT PENYERTAAN

1. Terbuka kepada warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun ke atas.

2. Pertandingan dibahagikan kepada dua kategori iaitu:

   i. Kategori novel dan skrip drama kanak-kanak

   ii. Kategori novel dan skrip drama remaja

3. Tema pertandingan adalah berdasarkan tema yang telah ditetapkan.

4. Peserta boleh menyertai kedua-dua kategori tetapi hanya dibenarkan menghantar **SATU** manuskrip sahaja untuk setiap genre bagi kesemua peringkat umur.

5. Panjang manuskrip bagi novel kanak-kanak adalah dalam lingkungan 15,000 hingga 50,000 patah perkataan manakala bagi novel remaja adalah dalam lingkungan 50,000 hingga 100,000 patah perkataan.

6. Panjang manuskrip bagi skrip drama kanak-kanak adalah dalam lingkungan 10,000 hingga 15,000 patah perkataan manakala bagi skrip drama remaja adalah dalam lingkungan 20,000 hingga 40,000 patah perkataan.

7. Manuskrip yang dihantar mestilah ditaip di atas kertas A4 sebelah muka dengan jarak langkau dua baris dan berjilid kemas.

8. Judul karya hendaklah ditaip pada kulit naskhah.

9. Nama dan alamat peserta **TIDAK BOLEH** tertera pada manuskrip yang dikirim.

10. Karya mestilah asli, bukan saduran, adaptasi, penyesuaian atau apa-apa sahaja yang membawa pengertian karya itu bukan karya asli serta belum pernah tersiar/diterbitkan oleh mana-mana pihak.

11. Sekiranya karya yang dihantar itu ternyata di ciplak, penyertaan akan terbatal dengan serta-merta. Jika karya itu memenangi hadiah, hadiah tersebut perlu dipulangkan semula kepada penganjur.

12. DBP berhak menerbitkan manuskrip yang memenangi sayembara ini, tertakluk kepada syarat-syarat penerbitan DBP.

13. Keputusan panel hakim adalah muktamad.

14. Setiap manuskrip yang dihantar kepada urus setia perlu disertakan borang penyertaan, disket manuskrip dan sekeping gambar berukuran pasport.

15. Penyertaan yang lengkap hendaklah sampai kepada urus setia **sebelum** atau **pada tarikh tutup peraduan,** iaitu **15 Disember 2009** dan dihantar kepada alamat yang berikut:

    Urus Setia,
    Sayembara Menulis Novel dan Skrip Drama Kanak-kanak dan Remaja DBP,
    PURNAMA,
    Tingkat 21, Menara DBP,
    Dewan Bahasa dan Pustaka,
    Peti Surat 10803, 50926 Kuala Lumpur.

    Tel. : 03-21482522 / 03-21482526 / 03-21482345
    Faks : 03-21414109
    E-mel : syila@dbp.gov.my / azihani@dbp.gov.my / fatimah4@dbp.gov.my

**BORANG PENYERTAAN**
**SAYEMBARA MENULIS NOVEL DAN SKRIP DRAMA**
**KANAK-KANAK DAN REMAJA DBP 2009**

Nama : ..................................................................................... ......................

No. Kad Pengenalan : ...................................................................................

Tarikh lahir: ................................................................................................

Alamat : .......................................................................................................

.....................................................................................................................

.....................................................................................................................

No. Tel (Rumah/Pejabat/Bimbit): ...............................................................

Faksimile/E-Mel:..........................................................................................

Judul karya dan kategori:

(1)...............................................................................................................

(2)...............................................................................................................

(3)...............................................................................................................

(4)...............................................................................................................

(5)...............................................................................................................

(6)...............................................................................................................

Dengan ini saya mengesahkan bahawa karya ini adalah karya asli saya dan mematuhi segala syarat yang telah ditetapkan oleh pihak penganjur Sayembara Menulis Novel dan Skrip Drama Kanak-kanak dan Remaja DBP 2009.

Tandatangan :

.......................................................
( )

Tarikh: ........................................

---

**UNTUK KEGUNAAN URUS SETIA**
Tarikh penerimaan :
No. Pendaftaran :
Tandatangan :